



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

| | | |
|--------------------|---|---|
| KURSUS | : | UNDANG-UNDANG KEWANGAN DAN PERBANKAN |
| KOD KURSUS | : | DPI2143 |
| PEPERIKSAAN | : | OKTOBER 2015 |
| MASA | : | 3 JAM |

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A**. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN B**.
 - i. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab **BAHAGIAN B** di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH LIMA (25) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Yang manakah daripada berikut **BUKAN** jenis utama **KONTRAK**?
 - A. Kontrak satu pihak
 - B. Kontrak dua pihak
 - C. Kontrak tiga pihak
 - D. Kontrak sampingan

2. Balasan tidak diperlukan di dalam situasi berikut **KECUALI**:
 - A. Pika berjanji untuk menjual kuih raya kepada Chu dengan harga RM5 dan Chu bersetuju untuk membelinya
 - B. Hanim berjanji secara bertulis untuk membayar hutang yang dihalang had masa, yang berjumlah RM3,000 kepada Bilal
 - C. Usman, atas dasar kasih sayang semulajadi, membuat perjanjian secara bertulis dan berdaftar, untuk memberi sebuah kereta Vios kepada anaknya.
 - D. Syamsul terjumpa 'sugarglider' yang dimiliki oleh Erni di atas pokok dan memulangkannya kembali kepada Erni. Erni berjanji untuk memberi Syamsul RM100.

3. Seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun dianggap sebagai dewasa. Definisi ini berdasarkan :
 - A. Akta Kontrak 1950
 - B. Akta Kontrak 1957
 - C. Akta Umur Dewasa 1970
 - D. Akta Umur Dewasa 1971

4. Untuk menggunakan seksyen 21 Akta Kontrak 1950, pihak yang ingin menggunakan seksyen ini perlulah membuktikan:
 - i. Kedua-dua pihak kepada kontrak tersebut melakukan khilaf
 - ii. Khilaf yang dibuat merupakan khilaf undang-undang
 - iii. Fakta mestilah fakta yang mustahak untuk perjanjian
 - iv. Khilaf mestilah melibatkan penipuan

- A. I sahaja
 - B. I dan II
 - C. I dan III
 - D. Semua di atas.
5. Perlaksanaan spesifik akan diberikan jika
- A. Pembayaran ganti rugi tidak mencukupi
 - B. Terma-terma kontrak tidak jelas
 - C. Tawaran asal dianggap terhapus.
 - D. Tawaran asal masih wujud.
6. Kes menyatakan tentang kesan kontrak yang dimasuki akibat paksaan ialah
- A. PHANG SWEE KIM v BEH I HOCK
 - B. KEPONG PROSPECTING LTD v A.E.SCHMIDT
 - C. K. MURUGESU v NADARAJAH
 - D. KESARMAL A/L LETCHMAN DAS v VALIAPPA CHETTIAR
7. 'Lily berjanji untuk memberi 10 ringgit kepada Lala kerana telah memulangkan beg tangannya yang dijumpai di tengah jalan'
Situasi diatas menunjukkan balasan jenis
- A. Eksekutori
 - B. Tersempurna
 - C. Lampau
 - D. Silang
8. BALFOUR v BALFOUR (1919) diputuskan oleh mahkamah bahawa
- A. Ada perjanjian bertulis antara mereka.
 - B. Tiada apa-apa balasan diberikan di dalam perjanjian tersebut
 - C. Perjanjian tidak wujud antara mereka
 - D. Tidak ada balasan

9. Saleh bersetuju untuk menjual 10 kotak minyak kepada Manna. Apakah kesan kontrak tersebut?
- A. Sah
 - B. Batal
 - C. Boleh batal
 - D. Boleh dikuatkuasakan
10. Nenek Limah, seorang yang buta huruf, telah menjual tanahnya kepada Dato Arama, seorang peguam, atas nasihat Dato Arama sendiri. Kontrak tidak terjadi diantara mereka kerana
- A. Tanah Nenek Limah tidak subur.
 - B. Harga tanah tidak memadai
 - C. Nenek Limah tidak waras di ketika itu.
 - D. Nenek Limah dipengaruhi secara tak berpatutan oleh Dato Arama.
11. Kontrak boleh dilepaskan melalui
- i. Pelepasan menerusi persetujuan pihak-pihak berkontrak
 - ii. Pelepasan dengan pelaksanaan
 - iii. Pelepasan melalui kemungkiran kontrak
 - iv. Pelepasan disebabkan kekecewaan
- A. I sahaja
 - B. I dan II
 - C. I, ii dan iii
 - D. Semua di atas.
12. Di dalam kes PERTAMA CABARET NITE CLUB SDN BHD v ROMAN TAM, mahkamah telah memberi remedi jenis
- A. Pelaksanaan Spesifik
 - B. Tiada remedi
 - C. Injuksi
 - D. Pelaksanaan tidak spesifik

13. Surah *al-Maidah*, Ayat 1, jelas menunjukkan
- A. Orang-orang beriman akan disoal tentang janji mereka
 - B. Janji perlu ditunaikan apabila ada kerelaan antara dua pihak
 - C. Arahan untuk orang-orang beriman agar menunaikan janji mereka.
 - D. Prinsip Ijab dan Qabul.
14. Berikut adalah faktor-faktor yang menjejaskan kerelaan berkontrak **KECUALI**
- A. Ikrah
 - B. Khilaf
 - C. Qard Hasan
 - D. Khilabah
15. Berikut adalah prosedur untuk pengambilan semula milikan barangan di bawah perjanjian sewabeli **KECUALI**
- A. Penyewa gagal membayar 2 bulan ansuran berturut-turut
 - B. Penyewa gagal membayar ansuran terakhir
 - C. Notis hendaklah diberikan kepada penyewa sebelum pengambilan semula milikan barangan dilakukan
 - D. Selepas mengambil semula milikan barangan dilakukan, pemilik boleh terus menjualkan barangan tersebut kepada pihak yang lain
16. Siapakah pihak-pihak yang terlibat di dalam perjanjian sewa beli?
- A. Penedar dan penyewa
 - B. Penyewa sahaja
 - C. Penedar sahaja
 - D. Penyewa, penedar dan syarikat kewangan
17. Perjanjian sewabeli mestilah mengandungi butiran antaranya **KECUALI**
- A. Harga tunai barang
 - B. Insurans
 - C. Nama syarikat penedar
 - D. Kos penghantaran barang

18. Cik Manis, semasa mengeluarkan cek, telah memalangkan cek tersebut dengan dua garis selari dan di antara dua garis tersebut mengandungi perkataan "BANK KOK BERHAD". Apakah jenis pemalangan yang dibuat oleh Cik Manis

- A. Pemalangan am
- B. Pemalangan silang
- C. Pemalangan khas
- D. Pemalangan batal

19. Bank Kok Berhad adalah Bank di mana Cik Murni menulis cek untuk membuat pembayaran kepada Cik Jahat. Bank Kok adalah

- A. Bank pembayar
- B. Bank konvesional
- C. Bank pemungut
- D. Bank credit

20.

- Perintah bertulis tidak bersyarat
- Dialamatkan atau ditujukan kepada seseorang
- Ditandatangani
- Bayar atas tuntutan
- Sejumlah wang yang pasti
- Bertulis

Ciri-ciri di atas adalah berkenaan dengan

- A. Cek
- B. Overdraf
- C. Bil Pertukaran
- D. Saham

21. Tawaran balas bermaksud

- A. Tawaran asal yang dibuat oleh pembuat janji
- B. Tawaran asal yang dibuat oleh pihak ketiga.
- C. Pengubahan sebarang syarat yang terdapat dalam tawaran asal oleh pembuat janji
- D. Pengubahan sebarang syarat yang terdapat dalam tawaran asal oleh penerima janji.

22. Menandatangani perjanjian sewabeli yang tidak lengkap dan kosong akan menyebabkan kontrak tersebut
- A. Sah
 - B. Boleh batal
 - C. Batal
 - D. Boleh sah
23. Injunksi adalah remedy di dalam undang-undang kontrak yang terkandung di dalam
- A. Akta Kontrak 1950
 - B. Akta Kontrak 1960
 - C. Akta Relif Spesifik 1950
 - D. Akta Injunksi 1960
24. Sesuatu tawaran akan berakhir apabila keadaan-keadaan berikut berlaku **KECUALI**
- A. Luputnya waktu kontrak
 - B. Pihak pencadang membatalkan tawaran
 - C. Tawaran diiklankan
 - D. Pihak yang dijangka menerima tawaran itu menolak tawaran tersebut
25.

| |
|--|
| -Kontrak untuk keperluan hidup -Kontrak biasiswa -Kontrak insurans |
|--|
- Kontrak-kontrak di atas akan menyebabkan
- A. Seseorang minor tidak akan menanggung apa-apa liabiliti
 - B. Seseorang minor tidak akan dianggap mempunyai balasan yang sah
 - C. Seseorang minor akan bertanggung terhadap kontrak tersebut
 - D. Seseorang minor akan dihukum penjara.

(25 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab TIGA (3) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- (a) Niat untuk mewujudkan hubungan di sisi undang-undang adalah salah satu dari elemen penting bagi mewujudkan kontrak yang sah. Bincangkan.

(10 markah)

- (b) Piya adalah seorang pemain bolasepak profesional yang berumur 15 tahun. Al- Pingsan, kedai alatan sukan terkenal, telah membekalkan Piya dengan 11 pasang kasut bola yang mahal. Apabila Al-Pingsan menuntut bayaran kasut-kasut tersebut dari Piya, Piya mengatakan dia tidak memerlukan kasut yang sebegitu banyak. Al-Pingsan berkeras dan mengancam untuk meneruskan tindakan undang-undang. Nasihatkan Piya.

(15 markah)

SOALAN 2

Sesuatu pelanggaran kontrak itu boleh dikatakan berlaku apabila satu pihak dengan tidak mempunyai alasan yang sah di sisi undang-undang telah gagal atau enggan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

Bincangkan remedi-remedi di bawah dan sokong jawapan anda dengan statut dan kes-kes yang berkenaan (jika ada).

- (a) Perlaksanaan Spesifik

(8 markah)

- (b) Ganti Rugi

(10 markah)

- (c) Injunksi

(7 markah)

SOALAN 3

Perjanjian sewabeli hanya akan menjadi sah jika beberapa formaliti diikuti. Bincangkan formaliti yang dimaksudkan.

(25 markah)

SOALAN 4

(a) Terangkan dengan ringkas definisi dan tanggungjawab bank-bank berikut

i) Bank pemungut (5 markah)

ii) Bank pembayar (5 markah)

(b) Huraikan perbezaan antara bil pertukaran dan cek. (15 markah)

SOALAN 5

(a) Terangkan maksud seksyen berkenaan yang berkaitan dengan pelesenan perbankan Islam di bawah Akta Bank Islam 1983

i) Seksyen 3 (1) Akta Bank Islam 1983 (2 markah)

ii) Seksyen 3 (2) Akta Bank Islam 1983 (3 markah)

iii) Seksyen 3 (3) Akta Bank Islam 1983 (3 markah)

iv) Seksyen 4 (2) Akta Bank Islam 1983 (2 markah)

vi) Seksyen 4 (3) Akta Bank Islam 1983 (3 markah)

(b) Nyatakan **ENAM (6)** perbezaan perniagaan yang dijalankan oleh Perbankan Islam dan Konvensional.

(12 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT